

19 AUG 2002

Mahathir-Myanmar/I

MYANMAR BERPOTENSI UNTUK MAKMUR, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Rohana Mustaffa

YANGON, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin Myanmar mampu menarik banyak pelaburan asing dan menjadi makmur dengan menggunakan beberapa dasar yang diamalkan oleh Malaysia.

Perdana Menteri berkata bahawa berdasarkan pengalaman Malaysia, untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi, sesebuah negara yang banyak bergantung kepada pelaburan asing dan pelaburan langsung asing dalam pasaran saham, kerajaan hendaklah membuat persediaan untuk pelaburan seperti itu.

"Dalam perkataan lain, kita perlu ada rangka kerja perundangan, rangka kerja dasar dan amalan-amalan kita haruslah dilihat menarik oleh pelabur asing, dan bukan dengan sekadar berkata kita ini terbuka tetapi (yang sama penting ialah) apakah jenis undang-undang yang kita ada," katanya pada sidang berita selepas menyampaikan ucapan utama di Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang tiba semalam untuk lawatan kerja dua hari, ditanya mengenai langkah Myanmar ke arah demokrasi dan membuka negara itu untuk pelaburan asing.

Perdana Menteri berkata isu seperti dasar dan amalan kewangan sesebuah negara perlu ditangani dahulu sebelum ia dapat menarik pelaburan langsung asing, bukan sekadar untuk membolehkannya mengaut keuntungan tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan dan kebajikan negara itu.

"Berdasarkan pengalaman Malaysia inilah, saya yakin Myanmar juga mampu menarik pelaburan asing dengan menerima pakai beberapa dasar yang diamalkan oleh Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia berpegang kepada demokrasi tetapi terdapat banyak takrif mengenai demokrasi.

"Malahan beberapa negara menggelarkan mereka sebagai republik demokratik tetapi mereka langsung tidak demokratik. Tetapi daripada pengalaman, kita tahu betapa sukarnya untuk mengendalikan demokrasi.

"Jika kita tidak tahu bagaimana untuk kendalikan demokrasi, kita akan dilanda anarki. Akhirnya, kita tidak akan mempunyai sebuah kerajaan, dan ini tidak baik untuk negara.

"Oleh itu, apabila kita memilih demokrasi, apa yang penting ialah proses itu hendaklah secara beransur-ansur dan rakyat dapat berlatar bagaimana memahami dan berdepan dengannya," katanya.

Ketika ditanya mengenai laporan bahawa terdapat masalah untuk membawa pekerja Myanmar ke Malaysia walaupun terdapat perjanjian dua hala, Dr Mahathir berkata secara umumnya Malaysia mempunyai lebih pekerja asing, dan baru-baru ini telah menghantar pulang lebih 400,000 pekerja dari Indonesia, Bangladesh dan Afrika.

Katanya menjadi hasrat Malaysia untuk mempunyai pekerja asing dari pelbagai negara termasuk dari Myanmar, tetapi pada masa ini, Malaysia tidak menghadapi kekurangan pekerja.

Kerajaan pula tidak terlibat dengan butiran dalam urusan membawa masuk pekerja tetapi akan membantu mengatasi masalah jika ada aduan yang dibuat, katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe semalam, Dr Mahathir berkata mereka membincangkan tentang cara menggalakkan perniagaan dan kerjasama dua hala dalam bidang teknologi.

Perdana Menteri telah memberitahu Than Shwe tentang minat beliau

terhadap industri herbal di Myanmar dan telah membincangkan kemungkinan kedua-dua negara bekerjasama dalam membangunkan rawatan secara herbal.

Kedua-dua pemimpin itu juga telah membincangkan mengenai kemajuan dalam usaha Myanmar ke arah menjadi negara demokratik.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai proses penyatuan kerajaan Myanmar kerana Malaysia dianggap memainkan peranan utama dalam proses itu.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak memainkan peranan itu tetapi seorang rakyat Malaysia (Tan Sri Razali Ismail) telah dilantik oleh Bangsa-bangsa Bersatu sebagai duta khas badan dunia itu.

Katanya kerajaan Malaysia tiada halangan tetapi berharap Razali akan berjaya dalam usahanya.

Kepada soalan bahawa Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar sepatutnya mengadakan pertemuan dengan pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi pagi ini tetapi telah membatalkannya, Dr Mahathir beliau tidak tahu tentang jadual pertemuan itu, dan ini turut dinafikan oleh Syed Hamid yang juga hadir pada sidang berita itu.

-- BERNAMA

RON AHH MAI